

30/10/2003

Dr M ucap selamat tinggal (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Kabinet terakhirnya di sini semalam sebelum bersara sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat Jumaat ini.

Perdana Menteri turut mengucapkan selamat tinggal kepada jemaah menteri

dalam mesyuarat Kabinet ke-883 yang dipengerusikannya itu.

Mesyuarat jemaah menteri pertama dipengerusikan oleh Dr Mahathir ialah pada 22 Julai 1981 selepas beliau dilantik menjadi Perdana Menteri pada 16

Julai tahun yang sama.

Sebelum mempengerusikan mesyuarat pada 9.45 pagi semalam di Tingkat Empat, Kompleks Perdana Putra di sini, Dr Mahathir yang memakai sut biru gelap, bergambar dengan jemaah menteri di ruang legar bangunan itu.

Hadir sama bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di Istana Negara, petang esok.

Perdana Menteri turut bergambar dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan di JPM, yang kemudian menghadihkan kain bersulam khas dengan angka `883' kepadanya.

Pemberita dan jurugambar kali pertama dibenarkan berada di tingkat empat

untuk menunggu mesyuarat Kabinet berakhir. Berpuluh klik kamera merakamkan

Dr Mahathir menurunkan tandatangannya pada minit mesyuarat sebelum ia berakhir kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Sebaik mesyuarat tamat, Perdana Menteri berjalan keluar sambil bersalaman dengan semua menteri. Ketika itu, beberapa menteri kelihatan tidak dapat menahan sebak dan menitikkan air mata.

Antaranya ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan Menteri Kebudayaan, Kesenian

dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Mata beberapa menteri lain pula kelihatan merah dipercayai kerana menitikkan air mata lebih awal ketika mesyuarat berlangsung.

Dr Mahathir, ketika ditanya pemberita selepas satu majlis lain petang semalam, berkata beliau meminta semua jemaah menteri memberi sokongan kepada Abdullah seperti diberikan kepadanya selama ini.

"Saya berharap mereka akan bekerja dengan kepemimpinan yang baru dan memastikan negara maju," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani

perjanjian antara Proton dengan Syarikat Perbadanan Industri Automotoif Iran (AIDCO) petang semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau turut mengucapkan selamat tinggal kepada

semua ketika mesyuarat Kabinet semalam. "Ia adalah mesyuarat terakhir yang

saya pengerusikan, ia sangat penting," katanya.

Ditanya mengenai buku nota yang kerap dibawanya ke mesyuarat Kabinet selama ini, beliau berkata: "Saya fikir ia adalah budaya yang diturunkan kepada orang lain. Mereka mempunyai buku nota mereka sendiri sekarang dan saya yakin ia akan berguna."

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, memberitahu pemberita selepas mesyuarat Kabinet itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Kabinet atas kerjasama yang diberikan sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

"Beliau berharap sokongan yang sama akan dipanjangkan kepada penggantinya, Pak Lah, dan bahawa kita akan terus bekerjasama bagi memastikan kemajuan negara kita," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Abdullah mewakili semua menteri menyatakan penghargaan dan rasa terima kasih atas sumbangan besar Dr Mahathir.

"Pak Lah berterima kasih kepada Perdana Menteri bukan saja atas kejayaan dicapainya untuk Malaysia tetapi dalam mengemudi Kabinet selama memegang jawatan itu.

"Kita juga menyatakan komitmen meneruskan apa ditetapkan dan memastikan dasar yang diputuskan semua secara bersama dilaksanakan dengan berkesan. Kita akan meneruskan visi dan objektif yang ditetapkan Dr Mahathir," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata ramai menteri tidak dapat menahan air mata berikutan rasa sayang terhadap Dr Mahathir.

"Penghujungnya apabila kami sedar beliau akan tinggalkan kami sebagai Perdana Menteri. Ini mesyuarat Jemaah Menteri terakhir kerana beliau mempengerusikan lebih 800 mesyuarat sama sepanjang menjadi Perdana Menteri.

"Jadi sukar untuk kami menahan air mata," katanya.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata rasa sedih ditunjukkan jemaah menteri kepada Dr Mahathir tidak dapat dielakkan. "Betapa beliau menjadi wira kita dalam bidang kewangan dan menyelamatkan ekonomi negara kita ketika krisis ekonomi dulu," katanya.

Rafidah, ketika ditemui sebelum mesyuarat bermula berkata, kepimpinan Dr Mahathir meninggalkan landasan kukuh untuk kemajuan seterusnya kepada golongan wanita di Malaysia.

"Tanpa kepemimpinan yang faham mengenai aspirasi wanita, tidak akan tercapai suasana yang membolehkan mereka maju hingga ke tahap yang dicapai sehingga kini," katanya.